

# CARTA ALIRAN BAHARU PERMOHONAN EKSPATRIAT



## \*PENGECCUALIAN AUTOMATIK

Pengecualian pengiklanan adalah seperti berikut:

- Jawatan Penting (*C-suite and Key Post*)
- Ekspatriat yang bergaji bulanan RM15,000 dan ke atas
- Pejabat Perwakilan atau Pejabat Serantau (*Representative Office or Regional Office*)
- Pelabur/Pemegang Saham/Pemilik Pindahan
- Korporat/Penempatan/Perjanjian Perdagangan
- Pertubuhan Antarabangsa



## \*PENGECCUALIAN BERSYARAT

- Syarikat boleh memohon pengecualian pengiklanan di **portal MYFutureJobs** dari PERKESO dengan **melengkapkan Borang PDKK** (Ekspatriat Berkemahiran) melalui <http://bit.ly/PDKKPERKESO>.
- Justifikasi terperinci mengapa jawatan tersebut memerlukan pengecualian khas perlu dinyatakan dalam Borang PDKK. Syarikat akan dikecualikan daripada pengiklanan, sekiranya jawatan tersebut diberikan pengecualian oleh PERKESO melalui e-mel: [papd@perkeso.gov.my](mailto:papd@perkeso.gov.my) dan syarikat boleh **terus memohon jawatan ekspatriat ke Agensi Pelulus**.
- Sekiranya jawatan tersebut didapati **bukan Ekspatriat Berkemahiran**, syarikat diminta untuk mengiklankan kekosongan jawatan tersebut di portal MYFutureJobs bagi tempoh minimum 30 hari dan melakukan proses temuduga untuk mencari bakat tempatan.
- Syarikat perlu mengemukakan **Perakuan Jawatankuasa Penggajian Pegawai Dagang (JPPD)** daripada PERKESO semasa memohon jawatan ekspatriat ke Agensi Pelulus.

Maklumat lanjut mengenai MYFutureJobs, sila layari: <https://www.perkeso.gov.my/149-sjp/853-permohonan-pengesyoran-myfuturejobs-bagi-penggajian-pekerja-asing-dan-pegawai-dagang.html>

Sumber: MIDA, Bahagian Khidmat Ekspatriat (ESD) dan Kementerian Sumber Manusia

